

NO. SOALAN: 40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN

TARIKH : 8 NOVEMBER 2016

RUJUKAN : 9364

SOALAN:

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah kes di mana kuil yang divandalisme dalam tempoh 5 tahun yang lepas dan apakah punca-punca vandalisme kuil berlaku.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak polis memberikan perhatian yang khusus bagi menangani kes-kes yang melibatkan agama sesuatu kaum yang berlaku di dalam negara. Kes sedemikian adalah kes yang sensitif dan boleh menimbulkan suasana tidak harmoni, perpecahan atau perasaan permusuhan, benci membenci dan boleh memudaratkan ketenteraman awam.

Statistik kejadian jenayah yang disiasat di bawah seksyen 427 dan seksyen 435 Kanun Keseksaan bagi Kuil dan di bawah seksyen 298A dan seksyen 295 Kanun Keseksaan bagi semua rumah ibadat termasuk kuil di seluruh negara bagi tahun 2010 sehingga September 2016 adalah seperti berikut:-

TAHUN	SEKSYEN 427 KK	SEKSYEN 435 KK	SEKSYEN 295 KK	SEKSYEN 298A KK
2010	3	1	45	2
2011	4	0	50	0
2012	9	0	42	0
2013	2	1	32	13
2014	4	1	36	18
2015	3	1	34	16
2016	1	0	32	9
JUMLAH	26	4	271	58

Hasil siasatan yang dijalankan mendapati antara punca yang menyebabkan perkara ini berlaku adalah ianya dilakukan oleh mereka yang tidak siuman, terlalu fanatik dan taksub terhadap sesuatu perkara serta salah kefahaman terhadap sesuatu isu yang timbul yang boleh

menyebabkan kedua-dua pihak saling bermusuhan dan menjadikan pusat ibadat sebagai sasaran.

SOALAN (41)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 8 NOVEMBER 2016
[SELASA]**

**DARIPADA : Y.B. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI
[KUDAT]**

SOALAN :-

Y.B. Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan bilakah Balai Bomba Daerah Pitas akan mula dibina dan bilakah ianya dijangka siap.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah meluluskan projek Balai Bomba dan Penyelamat Pitas dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) *Rolling Plan* Pertama tahun 2016 bagi meningkatkan lagi perkhidmatan kebombaan di kawasan Pitas. Projek Balai Bomba dan Penyelamat Pitas kini dalam proses penyediaan dokumen tender yang dijangka akan ditender sebelum penghujung bulan Disember 2016. Kerja-kerja pembinaan akan mengambil masa 18 bulan untuk menyiapkan balai bomba tersebut.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2016